

03/10/2002

Kisah presiden dan cubaan bunuh Megawati

Mustapa Omar

SEORANG rakan dari Jakarta yang baru-baru ini berkunjung ke Kuala Lumpur memberitahu saya, presiden di negaranya ada dua kategori, iaitu penggemar barangan hidup dan yang mati. Presiden Sukarno yang memang terkenal menyukai wanita cantik termasuk dalam kategori pertama bersama Suharto yang sukakan anak sapi.

Minat Sukarno terhadap wanita terbukti berdasarkan jumlah isterinya. Wanita-wanita yang pernah menjadi isteri Sukarno ialah Siti Utari Tjokroaminoto, Inggit Garnasih, Fatmawati (ibu Presiden Megawati), Hartini, Yurike Sanger, Haryati, Kartini Manoppo, Ratna Seri Dewi dan yang terakhir, Heldy Djafar. Perkahwinan pertamanya dengan Utari ketika beliau berusia 20 tahun dan yang terakhir dengan Heldy, dua tahun sebelum dijatuhkan oleh Suharto.

Sukarno sememangnya seorang lelaki yang cukup mengagumi kecantikan wanita. Atas sebab itulah dalam satu wawancara beliau pernah berkata: "Tuhan menciptakan wanita penuh dengan keindahan. Saya fikir setiap lelaki normal senang melihat keindahan yang ada pada diri wanita."

Bagaimanapun, dua lagi presiden, iaitu B J Habibie dan Abdurrahman `Gus Dur' Wahid dalam kategori kedua, iaitu sukakan barangan mati. Habibie gemarkan pesawat dan kapal laut sesuai dengan bidang yang didalaminya manakala Gus Dur pula sukakan makam, malah ada orang Indonesia menggelarnya presiden yang paling kerap mengunjungi makam.

Pastinya rakan saya itu tidak berniat menghina pemimpinnya sendiri kerana apa yang dikatakannya itu adalah hakikat. Apa yang jelas, Indonesia mempunyai presiden yang latar belakang mereka cukup menarik untuk diikuti. Cuma apabila saya bertanya Presiden Megawati dalam kategori mana, rakan saya itu tidak menjawab.

Bagi saya, Gus Dur adalah presiden Indonesia yang paling misteri. Saya pernah menemuinya di Lampung pada 1992 ketika beliau menjadi Ketua Umum Nahdatul Ulama. Beliau seorang yang kuat ingatan dan ini terbukti apabila saya bertemuinya sekali lagi di Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1996, beliau masih ingat suara dan nama saya.

Selain itu, Gus Dur juga sering membuat sesuatu yang mengejutkan. Pernah satu ketika menjelang perhimpunan raksasa Nahdatul Ulama di Gelora Senayan, Jakarta, pada 1992, beliau mengumumkan 40,000 jin akan membantu mengawasi perhimpunan itu, termasuk memastikan lalu lintas berjalan lancar. Terbukti perhimpunan yang dihadiri lebih satu juta umat itu berjalan lancar tanpa sebarang masalah besar.

Gus Dur juga dikatakan sering tertidur semasa di dalam majlis, termasuk ketika sidang Majlis Pemesyuaratan Rakyat (MPR), tetapi anehnya beliau boleh menjawab dengan tepat soalan yang dikemukakan dan mengetahui setiap perkembangan pada majlis itu seolah-olah beliau tidak pernah tertidur.

Ini berbeza dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang tersalah cakap ketika berceramah apabila mengatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran dengan mendakwa beliau ketika itu dalam keadaan separuh sedar selepas tidur dengan begitu nyenyak akibat keletihan.

Mengenai Megawati, beliau mungkin tidak tergolong dalam kedua-dua kategori itu, tetapi senasib dengan bapanya, Sukarno - menghadapi ancaman bunuh. Baru-baru ini rakyat Indonesia dikejutkan dengan laporan majalah Time bahawa ada cubaan membunuh Megawati sebelum ini.

Majalah itu memetik laporan Agensi Perisikan Pusat (CIA) yang menyatakan

bahawa Omar Al-Faruq, warga Kuwait yang ditangkap di Indonesia pada 5 Jun 2002 dan kemudian ditahan pihak berkuasa Amerika Syarikat kerana dituduh menganggotai al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden, mengakui dua kali cuba membunuh Megawati, iaitu pada pertengahan 2000 dan Ogos tahun lalu.

Kira-kira 44 tahun lalu, tepatnya pada 30 November 1957, beberapa butir bom tangan dilemparkan ke arah Presiden Sukarno yang ketika itu berada di Perguruan Cikini, Menteng, Jakarta Pusat. Pengawalnya menolak Sukarno hingga tertiarap dan Presiden Pertama Indonesia itu terselamat dalam cubaan membunuhnya. Ketika itu, Sukarno mendakwa CIA menjadi dalang percubaan membunuhnya itu.

Pelbagai pihak di Indonesia meragui laporan CIA itu, malah ada yang mendakwanya sebagai bohong dan hanya bertujuan untuk mengesahkan dakwaan mereka bahawa Indonesia adalah pusat kegiatan militan Islam. Bagi mereka, tidak ada sebab al-Qaeda mahu membunuh Megawati dan tidak menolak kemungkinan CIA yang sebenarnya mahu bertindak demikian, sama seperti yang cuba dilakukan terhadap Sukarno dulu.

Sememangnya, pelbagai pihak di Indonesia percaya CIA sudah lama bertapak di republik itu dan masuk ke wilayah-wilayah yang bergolak. Mereka berjaya menghuru-harakan Timor Timur sehingga wilayah itu terlepas dari Indonesia dan mereka melagakan umat Islam dan Kristian di Maluku. -

musomar@nstp.com.my